



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

eBuletin FSB

Edisi Jan - Jun 2023

No. eISSN : 2716-6619

fsb.umk.edu.my FAKULTI SAINS BUMI

GEO *Tour de* Malaysia

KERJA LAPANGAN PELAJAR
GEOSAINS TAHUN 3:

m.s.: 20



PENDEDAHAN AKTIVITI PERSAMPELAN DAN SESI TEMUBUAL

BERSAMA KOMUNITI TASIK BANDING BAGI LAPORAN PENILAIAN IMPAK ALAM SEKITAR (EIA)

Nor Sayzwani Sukri, Nor Hizami Hassin, Muhammad Nurfaiz Abd Rahim,

Kharul Azmi Mu'azzam Abdul Rahman

Pada 27 Disember 2022 dan 3 Januari 2023, pelajar di bawah subjek Penilaian Impak Alam Sekitar (FPE3223) berpeluang menjalankan kerja lapangan bagi memenuhi pelaporan dalam Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) di sekitar Tasik Banding. Seramai 38 orang pelajar dari Program SBL, Fakulti Industri Asas Tani dan 49 orang pelajar dari program SEL, Fakulti Sains Bumi terlibat dalam program ini. Pendedahan aktiviti di lapangan adalah kesinambungan daripada teori yang telah pelajar pelajari di dalam bilik kuliah. Pelaporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) adalah selaras dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan menggunakan garis panduan EIA yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dibawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia.

Kerja lapangan di Tasik Banding ini meliputi aktiviti persampelan air dan sesi temubual bersama komuniti di sekitarnya. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menyelesaikan tugas yang telah diberikan. Selain daripada itu juga, pelajar diberikan penekanan terhadap kepentingan pengurusan masa dilapangan kerana pelajar mempunyai berapa tempat persampelan dalam satu masa. Pelajar juga diberi pengenalan terhadap Tropical Rainsforest Research Centre (UMK-TRaCe) oleh Dr. Muhammad Firdaus Abdul Karim.

